



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.10/2022  
PADA 31 OKTOBER 2022 (ISNIN) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, Pembantu Ahli Majlis, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
  - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
  - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
  - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima surat daripada Jabatan Meteorologi Malaysia mengenai amaran kecenderungan negara mengalami cuaca lembap dengan hujan dan ribut petir serta angin kencang terutamanya di negeri-negeri Pantai Barat dan pedalaman semenanjung.
5. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah telah dilakukan oleh Majlis Bandaraya Seremban bagi menghadapi pasca banjir dari segi pembersihan, menguruskan sampah, bantuan makanan dan minuman sebagai persediaan awal menghadapi banjir akan datang. Majlis Bandaraya Seremban memainkan peranan dan tugas pasca banjir manakala operasi pengurusan banjir akan diketuai oleh Pegawai Daerah Seremban dan Ketua Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Seremban.
6. Oleh sebab itu, satu Mesyuarat Membincangkan Persediaan Awal Bagi Menghadapi Monsun Timur Laut telah dipengerusikan oleh Setiausaha MBS pada 11 Oktober 2022 bersama-sama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Kebajikan

*Hope Worldwide* Malaysia, Persatuan Kebajikan Magik Negeri Sembilan & Cdert Al-Najah, Neighbour Grace Assembly (Impact Team), Persatuan Warisan Seremban, Negeri Sembilan Amateur Radio Club (NESRAC), dan Power House Wanita Gemilang (PH GEM).

7. Keanggotaan setiap jabatan dalaman Majlis Bandaraya Seremban bagi persediaan awal menghadapi monsun timur laut adalah seperti di paparan :-

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.	Kenderaan	Jabatan Kejuruteraan
2.	Pembersihan	Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekutuan
3.	Peralatan	Unit Perolehan
4.	Bantuan Makanan	Jabatan Khidmat Pengurusan
5.	Barang Keperluan Harian	Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

8. Majlis Bandaraya Seremban juga telah mendapat kerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Seremban, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Seremban, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk bersiap sedia bagi mengadapi banjir kilat di kawasan-kawasan ‘Hotspot’ yang sering berlaku banjir.

9. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan penambahbaikan ke atas infrastruktur-infrastruktur yang berkemungkinan menyebabkan banjir dan tanah runtuh. Orang awam dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web Jabatan Meteorologi dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi myCuaca bagi maklumat yang terkini dan sahih.
10. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar segala tindakan berkaitan aduan-aduan yang diterima dapat diselesaikan dengan dengan kadar segera. Saya ingin memohon agar pasukan *task force* MBS sentiasa siap siaga bagi menghadapi kebarangkalian bencana ini.

## **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

### **KUTIPAN KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Operasi Kaunter Bergerak kutipan pintu ke pintu bagi mengutip Cukai Taksiran mulai 8 Januari 2022 sehingga 8 Oktober 2022. Sebanyak RM232,963.63 bagi 992 bilangan akaun Cukai Taksiran telah berjaya dikutip sepanjang operasi dijalankan dengan jumlah tunggakan RM32,396,585.73.

*Sumber : Jabatan Kewangan*

## **PELAPORAN AKTIVITI JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

12. Sehingga 16 Oktober 2022, Majlis telah menjalankan aktiviti kawalan *fogging* ke atas 51,734 premis, ULV 92,134 premis, *larrvaciding* 84 lokaliti, *source reduction* 84 lokaliti dan gotong-royong ke atas 99 taman perumahan. Majlis juga telah mengadakan 426 sanitasi dan 487 disinfeksi.
13. Sehingga 24 Oktober 2022, sebanyak 280 kematian biasa dan 527 kematian akibat COVID-19 telah direkodkan bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale manakala bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 147 kematian biasa dan 23 kematian akibat COVID-19 telah direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2, sebanyak 324 kematian biasa telah direkodkan dan Tanah Perkuburan Islam Nilai TIADA jenazah dikebumikan sehingga 24 Oktober 2022.
14. Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitarian telah mengadakan Sesi Tandatangan Perjanjian Sewa Pasar Besar Seremban pada 19 sehingga 21 Oktober 2022 di Pasar Besar Seremban. Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk memperbaharui perjanjian sewaan pasar dan lesen perniagaan bagi tahun 2023. Seramai 456 orang penyewa telah hadir pada sesi tersebut dengan jumlah kutipan sebanyak RM149,050.00 bayaran lesen perniagaan,

RM124,760.00 bayaran sewa gerai dan RM34,050.00 bayaran duti setem perjanjian gerai.

*Sumber : Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutuan*

## **PERTANDINGAN NASYID, BERZANJI DAN MARHABAN**

15. Majlis Bandaraya Seremban telah menyertai Pertandingan Nasyid, Berzanji dan Marhaban yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan pada 25 Oktober 2022 yang lalu di Pusat Dakwah Islamiah Paroi. Mestipun Kumpulan As-Shams Majlis Bandaraya Seremban tanpa mendapat sebarang tempat, namun pengalaman pertama kali masuk pertandingan ini dapat membantu untuk menyuntik semangat para peserta untuk memperbaiki mutu persembahan pada pertandingan akan datang.

*Sumber : Unit Komunikas Korporat*

## **MAJLIS APRESIASI MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN TAHUN 2022**

16. Pada 12 Oktober 2022 Majlis Apresiasi Majlis Bandaraya Seremban Tahun 2022 telah diadakan di D'Tempat Country Club Sendayan. Objektif majlis ini diadakan adalah untuk menghargai dan memberi pengiktirafan kepada semua warga Majlis yang telah memberi khidmat kepada Majlis Bandaraya Seremban. Selain itu, majlis ini diadakan adalah untuk meningkatkan semangat dan motivasi kepada

para pegawai serta kakitangan Majlis untuk memperbaiki pencapaian dan penglibatan mereka pada masa hadapan di samping untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai dan *stakeholder* MBS.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

## **PROGRAM MENGERJAKAN UMRAH BAGI PESARA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BAGI TAHUN 2022**

17. Pada 19 hingga 29 Oktober 2022, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Program Mengerjakan Umrah Bagi Pesara Majlis Bandaraya Seremban Tahun 2022. Seramai 9 orang pesara kakitangan Majlis Bandaraya Seremban telah terlibat di dalam program ini. Objektif program ini diadakan adalah sebagai menghargai pesara bagi pegawai dan kakitangan yang beragama Islam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan telah memberi komitmen yang tinggi di sepanjang tempoh perkhidmatan. Selain itu, program ini sebagai pemangkin kepada pegawai dan kakitangan yang lain untuk memberi perkhidmatan serta sumbangan terbaik di jabatan masing-masing.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

## **PENUTUP**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

16. Tinggal lebih kurang 2 bulan sahaja lagi sebelum Tahun 2022 berakhir. Kita telah mengharungi tahun ini dengan pelbagai cabaran dalam memastikan perkhidmatan kepada warga Bandar Raya Seremban sampai dan dimanfaatkan secara berkesan. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang telah sama-sama memerah keringat dan memberi sumbangan dalam setiap program serta inisiatif yang telah kita laksanakan.
  
17. Kita sebagai warga kerja Majlis Bandaraya Seremban seharusnya benar-benar faham dan setiap inisiatif yang dilaksanakan agar boleh bertindak sebagai agen penyampai maklumat yang tepat dan sahih kepada masyarakat di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban. Hal ini amat penting bagi mengelakkan sebarang salah faham dan penyebaran maklumat palsu, tidak benar atau kurang tepat serta bagi mengatasi pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang ingin memutarbelitkan fakta dan menidakkannya usaha yang telah kita lakukan untuk membantu masyarakat di luar sana.

18. Akhir kata, semoga segala usaha kita dalam memajukan dan menambahbaik sistem perkhidmatan dan penyampaian kepada warga bandar raya terus dipermudahkan dan memperolehi pencapaian Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih dan Berdaya Maju.

Sekian, terima Kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
31 OKTOBER 2022**